

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP
[PENSIANGAN]
TARIKH : 23.10.2019 (RABU)
SOALAN : 28

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan langkah untuk memperkenalkan industri baru kepada petani dan pekebun luar bandar supaya tidak hanya bergantung kepada penanaman sawit dan getah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelbagai program telah dibuat oleh Kementerian dalam usaha untuk menaiktaraf kehidupan penduduk di luar bandar khususnya petani dan pekebun. Antara program telah dilaksanakan oleh Kementerian adalah Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) yang mana PROSPEK ini memberi penekanan kepada ekonomi insitu atau *niche product* sesebuah kampung dengan menggabungkan tanah-tanah terbiar di kampung-kampung yang terlibat secara berskala besar bagi menjana pendapatan peserta serta penduduk setempat. Program yang dirancang ini juga adalah selaras dengan hasrat dan saranan YAB Perdana Menteri yang menekankan bidang pertanian ini perlu dijalankan secara luas/estet untuk menjana pendapatan yang mencukupi. Selain itu juga, konsep penggabungan tanah juga disarankan supaya ladang-ladang ini boleh diuruskan secara sistematik dan berkesan.

NO. SOALAN: 28

2. PROSPEK ini merupakan satu projek yang memberi fokus kepada komponen ekonomi, prasarana asas dan perumahan. Komponen ekonomi ini tidak melibatkan pembukaan ladang getah dan kelapa sawit di kampung-kampung tetapi lebih menumpukan kepada *niche product* di kampung tersebut. Dua projek rintis telah dilaksanakan pada tahun 2018 iaitu di PROSPEK Rintis Kg. Sidam, Kulim, Kedah dan PROSPEK Rintis Kg. Pasir Raja di Daerah Dungun Terengganu. Untuk makluman Yang Berhormat, PROSPEK Rintis Kg. Sidam ini yang dilaksanakan oleh KEDA akan menumpukan kepada tanaman jagung (keluasan 50 ekar) sebagai *niche product*. Melalui tanaman jagung ini, pelbagai produk hiliran jagung dapat dihasilkan seperti penghasilan silaj, jagung lerai, bertih jagung dan sebagainya. Manakala bagi PROSPEK Rintis Kg. Pasir Raja, Dungun, Terengganu pula menumpukan kepada penternakan ikan air tawar (lebih 50 kolam) sebagai komponen ekonomi utama sebelum diproses menjadi produk hiliran yang akan dipantau oleh agensi KETENGAH.
3. Kementerian juga bekerjasama dengan agensi-agensi seperti Jabatan Pertanian, FAMA, Perikanan dan lain-lain bagi membantu penduduk kampung yang terlibat di bawah PROSPEK ini dari aspek khidmat nasihat, input-input pertanian, perikanan, keusahawanan dan sebagainya.
4. Kementerian juga akan memastikan projek ekonomi di bawah PROSPEK ini dapat diteruskan untuk jangka masa yang lama dengan menyediakan pelan rangkaian perniagaan yang lengkap.
5. Selain itu juga, PROSPEK turut memberi fokus kepada pembangunan komponen Prasarana Asas dengan penyediaan infrastruktur asas seperti lampu jalan dalam kampung, jalan perhubungan dalam kampung dan kemudahan sosial asas serta komponen Perumahan yang dapat memberi manfaat kepada penduduk di kampung-kampung yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]
TARIKH : 23 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 29

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilakah masalah rangkaian kesinambungan internet yang memuaskan akan dijaringkan di kawasan Jelutong, Pulau Pinang bagi mengatasi masalah sambungan jalur rangkaian internet yang kurang memuaskan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menjalankan pengukuran di kawasan-kawasan di Pulau Pinang pada Jun 2019 termasuklah di dua (2) tempat di kawasan Jelutong.
2. Berdasarkan kajian dan pengukuran ini, Maxis telah mencatatkan purata kelajuan muat turun yang tertinggi iaitu 27.3 Megabit sesaat (Mbps) manakala Digi mencatatkan kedua tertinggi dengan 19.2 Mbps. Ini diikuti oleh Celcom dengan catatan purata kelajuan muat turun sebanyak 18.7 Mbps, YTL 15.3 Mbps dan U Mobile setinggi 12.6 Mbps. Manakala TM/Webe pula mencatatkan purata kelajuan muat turun sebanyak 11.00 Mbps.
3. Bagi masalah-masalah sambungan rangkaian jalur internet yang kurang memuaskan, SKMM memerlukan maklumat yang lebih spesifik, mengenai jenis rangkaian, pemberi perkhidmatan dan kawasan yang mempunyai masalah tersebut bagi menjalankan pemantauan lanjut.